KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

3 JANUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
3 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar X
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Ibu bapa terpaksa hantar anak ke tadika swasta

Kemudahan pendidikan awal tidak mencukupi

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN, MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM, NUR IFTITAH ROZLAN & NAZRIN ZULKAFLI
SHAH ALAM

Jumlah pusat pendidikan awal kanak-kanak disediakan kerajaan masih belum mencukupi untuk menampung permintaan tinggi terhadap perkhidmatan tersebut di dalam negara.

Pensyarah Kanan Program Pendidikan Awal Kanak-kanak daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Juppri Bacotang berkata, negara masih belum mencapai sasaran nisbah sepatutnya bagi peringkat pendidikan tersebut yang digariskan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Jelasnya, peningkatan drastik kewujudan taska dan tadika dikendalikan pihak swasta terutamanya di bandar besar juga merupakan bukti jelas kekurangan jumlah kemudahan pendidikan berkenaan.

"Ini menunjukkan bahawa kapasiti dan kemudahan disediakan kerajaan tidak mencukupi sehingga pihak swasta terpaksa membuka tadika untuk memenuhi permintaan masyarakat," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Pusat Data Kanak-kanak Kebangsaan (NCDC) pada tahun 2019 merekodkan bahawa sebanyak 1,001 atau 20.15 peratus daripada taska di dalam negara beroperasi melebihi daripada kapasiti dibenarkan.

Juppri berkata, selain faktor peningkatan kadar kelahiran di dalam negara, dasar kerajaan memasukkan pendidikan awal sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan pada tahun 1996 juga menjadi punca menyumbang kepada permintaan tinggi terhadap perkhidmatan tersebut ketika ini.

Tambahnya, kurikulum sedia ada yang digariskan di peringkat pendidikan awal seperti kemahiran 3M iaitu membaca, mengira dan menulis juga menjadikan ia lebih penting dalam membantu murid melalui transisi peralihan ke sekolah rendah.

"Bila kanak-kanak ini ingin masuk ke sekolah rendah, kurikulum sekarang lebih memerlukan kanak-kanak itu sudah lancar membaca. Maksudnya di sini bila masuk tahun satu, mereka tidak lagi diajar mengeja dan sebagainya.

"Jadi mereka ini secara tidak langsung perlu menguasai ketiga-tiga kemahiran itu sebelum masuk Tahun Satu. Disebabkan itu ibu bapa sekarang menghantar anak mereka ke tadika supaya seiring dengan kurikulum sedia ada," ujarnya.

Juppri berkata, beliau mengakui kerajaan berhadapan kekangan peruntukan untuk memenuhi permintaan tersebut dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur dan menggaji tenaga kerja diperlukan meliputi guru dan pekerja pembantu pengurusan murid.

LAPORAN MUKA DEPAN

Namun begitu, beliau berpandangan kerajaan perlu mula menyediakan perancangan jangka panjang bagi menangani isu berkenaan antaranya melalui langkah memusatkan pengurusan taska dan tadika di bawah satu kementerian iaitu KPM.


JUPPRI

"Sudah sampai masanya kalau keadaan mengizinkan dari segi ekonomi agar pengurusan kesemua taska di bawah agensi kerajaan diambil alih oleh KPM dan diselaraskan," jelasnya.

Antara agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak ialah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Pada masa sama, Juppri berkata, kerajaan juga sepatutnya menyediakan bantuan persekolahan bagi murid tadika terutamanya daripada keluarga B40 sebagai langkah jangka pendek bagi membolehkan mereka mendapat akses terhadap pendidikan tersebut.

"Sebenarnya, kos pendaftaran anak ke taska atau tadika lebih tinggi berbanding ke sekolah rendah. Sekarang ini bantuan persekolahan hanya untuk kanak-kanak Tahun Satu hingga Tingkatan Lima," katanya.


Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kemas terbahagi kepada dua kategori iaitu Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) untuk kanak-kanak usia dua hingga empat tahun, manakala Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) untuk usia empat tahun hingga enam tahun.

JUMLAH PRASEKOLAH & TADIKA KEMAS

PRASEKOLAH

Johor	868
Kedah	520
Kelantan	508
Melaka	233
Negeri Sembilan	324
Pahang	624
Pulau Pinang	275
Perak	695
Perlis	108
Selangor	693
Terengganu	378
Sabah	1,014
Sarawak	1281
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	259
Wilayah Persekutuan Labuan	39
Wilayah Persekutuan Putrajaya	23

KEMAS

Kedah	728
Perlis	139
Pulau Pinang	265
Perak	705
Kelantan	686
Wilayah Persekutuan	159
Terengganu	739
Pahang	674
Selangor	791
Melaka	271
Negeri Sembilan	354
Johor	876
Sabah	970
Sarawak	1,030

YURAN TAHUNAN

Prasekolah - **RM150**
Tabika Kemas - **Serendah RM25**
Swasta - **Bermula dari RM284 (Pusat Asuhan Tunas Islam - Pasti) hingga mencecah RM2,000**

Sinar JADUAL WAKTU

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:16	7:30	1:25	4:46	7:17	8:32
ALOR SETAR	6:16	7:28	1:25	4:46	7:17	8:32
PULAU PINANG	6:15	7:26	1:25	4:47	7:19	8:33
IPOH	6:12	7:22	1:23	4:45	7:17	8:32

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	6:00	7:14	1:15	4:38	7:12	8:27
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:07	7:18	1:20	4:43	7:17	8:32
SHAH ALAM	6:07	7:17	1:20	4:43	7:17	8:32
SEREMBAN	6:04	7:16	1:19	4:43	7:17	8:32

TARIKH:
3 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
BERITA HARIAN ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

Lantikan politik dalam GLC, agensi biar sepadan kepakaran

- Individu terbabit sering dipergunakan parti yang melantik sebagai landasan memenuhi matlamat parti, namun mungkin tidak selari dengan matlamat institusi diterajui individu lantikan politik terbabit
- Amat penting sistem pelantikan penjawat awam sedia ada perlu diubah suai dan digunakan untuk pelantikan politik, maka satu jabatan khas perlu diwujudkan untuk membuat penilaian



Geostrategis dan Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara NASR

Oleh Azmi Hassan
bhrencana@bh.com.my

Apabila Jemaah Menteri membuat keputusan pengerusi dan ahli lembaga pengarah lantikan politik ditamatkan perkhidmatan serta-merta, sebahagian besar rakyat menyokong tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana stigma terma lantikan politik adalah begitu negatif sekali.

Pertama, rakyat sering dihidang dengan tindak-tanduk individu lantikan politik tidak sepadan dengan jawatan dipegang. Besar kemungkinan individu terbabit tiada kepakaran dan pengalaman sepadan dengan jawatan disandang dan lantikan itu kemungkinan hanya diasaskan dengan kaitan hubungan akrab individu berkenaan dengan parti politik tertentu.

Kedua, individu terbabit sering dipergunakan parti yang melantik sebagai landasan memenuhi matlamat parti, namun mungkin tidak selari dengan matlamat institusi diterajui individu lantikan politik itu. Dibimbangi juga hala tuju agensi terbabit lebih mirip memenuhi keperluan parti berbanding kehendak negara dan rakyat.

Stigma negatif seperti ini membuatkan rakyat memandang serong terhadap konsep lantikan politik dalam agensi atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Hakikatnya lantikan politik tidak hanya terhad kepada agensi atau GLC, tetapi juga lantikan diplomat berkhidmat di luar negara demi kelangsungan dasar kerajaan.

Agensi kerajaan, GLC dan diplomat dianggap sebahagian daripada cabang kerajaan dan sudah pasti kerajaan mahu memastikan individu dilantik ke jawatan tertinggi itu mempunyai pegangan dasar selari dengan matlamat kerajaan memerintah.

Di Amerika Syarikat (AS), sudah menjadi tradisi setiap kali menjelang pemilihan Presiden empat tahun sekali, semua lantikan politik diminta menyerahkan surat peletakan jawatan demi memudahkan Presiden baharu membuat lantikan baharu tanpa memecat penjawat sedia ada dilantik Presiden terdahulu.

AS mempunyai jabatan khas untuk menilai lantikan politik yang mencecah sehingga 4,000 setiap kali berlaku pertukaran Presiden. Bagi lantikan jawatan sensitif seperti duta atau ketua agensi kritikal seperti Jabatan Keadilan, pelantikan ini perlu melalui Dewan Senat.

Malangnya, kita di Malaysia tidak mempunyai tradisi seperti AS, dianggap baik tetapi bergantung kepada budi bicara individu dan jawatan tertentu.

Umpamanya apabila Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Harun meletak jawatan sehari sebelum persidangan Parlimen, tindakan itu adalah atas budi bicara beliau sendiri demi memudahkan pemilihan baharu dilaksanakan.

Namun tidak semua lantikan politik, terutama berjawatan tinggi mampu melaksana tindakan selari dengan Azhar kerana mungkin ada mahu dipecat atau ada yang masih mengharap disambung perkhidmatan.

Syor wujud kaedah penilaian lantikan

Agak menarik juga apabila Perdana Menteri mengumumkan lantikan semula bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, sebagai Pengerusi FELCRA ditangguhkan. Ia selepas wujud kekeliruan berhubung lantikan politik dalam badan berkanun serta GLC.

Tidak wujud tradisi letak jawatan ini juga memaksa Jemaah Menteri mengarahkan Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengeluarkan surat penamatan khidmat. Demi mengelak suasana kurang selesa ini iaitu stigma dipecat atau dianiaya, seharusnya tradisi menghantar surat peletakan jawatan lantikan politik dijadikan mekanisme tetap setiap kali pilihan raya umum (PRU) dilaksanakan.

> "Pada asasnya, pelantikan politik sebenarnya tidak membawa maksud menjadi kemestian melantik orang politik, tetapi melantik mereka berkepakaran dan berpengalaman sepadan iaitu dalam kategori golongan teknokrat atau profesional, namun mempunyai matlamat selari dengan parti politik atau kerajaan"

Perlu juga wujud kaedah penilaian lantikan supaya bertepatan dengan matlamat institusi bakal menerima lantikan dan juga demi memastikan kesesuaian dari segi kepakaran dan pengalaman individu dicadangkan. Lazimnya parti politik mencadangkan individu untuk mengisi jawatan tertentu kerana mementingkan matlamat politik dan tidak begitu memenuhi merit atau kesesuaian kepakaran dan pengalaman.

Amat penting sistem pelantikan penjawat awam sedia ada perlu diubah suai dan digunakan untuk pelantikan politik. Maka satu jabatan khas perlu diwujudkan untuk membuat penilaian.

Pelantikan jawatan sensitif seperti Peguam Negara perlu melalui saluran Dewan Rakyat atau setidaknya menerusi Jawatankuasa Pemilih Parlimen (PSC). Jika pelantikan Yang Dipertua Dewan Rakyat boleh melalui proses Dewan Rakyat, maka sudah pasti pelantikan politik sensitif lain mampu juga dilakukan dengan prosedur hampir sama.

Namun, pada hakikatnya ungkapan pelantikan politik tidak boleh digunakan parti dalam kerajaan secara literal iaitu mencadangkan pengisian jawatan sebagai balasan terima kasih dan sebab itu, lazimnya individu dicadangkan itu mempunyai kaitan parti politik dengan hubungan agak akrab.

Pada asasnya, pelantikan politik sebenarnya tidak membawa maksud menjadi kemestian melantik orang politik, tetapi melantik mereka berkepakaran dan berpengalaman sepadan iaitu dalam kategori golongan teknokrat atau profesional, namun mempunyai matlamat selari dengan parti politik atau kerajaan.

Contoh yang baik ialah apabila kerajaan melantik Tan Sri Abdul Wahid Omar sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bursa Malaysia pada Mei 2020, ia dianggap lantikan politik golongan profesional kerana Abdul Wahid bukan kalangan orang politik yang boleh dikaitkan sama ada dengan parti seperti BERSATU, PAS atau UMNO.

Pelantikan politik amat diperlukan demi menjamin setiap dasar kerajaan dapat dilaksanakan tanpa berlaku kekangan atau terpesong daripada dasar agensi bertanggungjawab. Namun, stigma negatif wujud kerana parti politik memperguna kaedah lantikan seperti ini semata-mata memenuhi aspirasi politik masing-masing.

Jika diwujudkan mekanisme dan peraturan tertentu supaya sistem ini tidak diperalatkan untuk tujuan politik, maka isu pelantikan politik ini mampu membantu bukan sahaja kerajaan, tetapi juga memberi nilai tambah dan manfaat kepada negara serta rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

TARIKH:
3 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Sarawak

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☒
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Projek lampu jalan siap dipasang sehingga persimpangan keluar Jambatan Samarahan

KUCHING: Penduduk kawasan Parlimen Kota Samarahan akan menarik nafas lega apabila projek pemasangan lampu jalan di kawasan itu siap sepenuhnya kata Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang.

Katanya, projek pemasangan lampu jalan kini sudah siap dipasang sehingga persimpangan keluar Jambatan Samarahan berhampiran Kampung Tambay dan akan diteruskan hingga ke daerah Asajaya.

"Pemasangan lampu jalan ini sangat penting. Insya-Allah dengan siapnya keseluruhan projek ini nanti, ia akan memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya terutama bagi mereka yang berulang-alik dari tempat kerja pada waktu malam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meninjau projek tersebut sebelum meneruskan perjalanan ke lawatan kerja bersama Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) di Kota Samarahan baru-baru ini.

Sehubungan itu, Rubiah yang juga Ahli Parlimen Kota Samarahan berharap agar projek pemasangan lampu itu berjalan dengan lancar.

"Semoga projek ini berjalan lancar dan siap mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya.

Press Reader

TARIKH:
3 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Sarawak

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Penembu projek ngelekatka lampu jalai ila deka meri pengelantang, pengelikun peranak di Kota Samarahan

KUCHING: Peranak ba sitak Parlimen Kota Samarahan deka nyintak seput lantang enti projek ngelekatka lampu jalai ba sitak nya udah tembu endar ila,pia ku Sapit Menteri Pemansang Kandang menua enggau Wilayah Datuk Rubiah Wang.


Ku iya, projek ngelekatka lampu jalai nya diatu semina udah tembu naka simpang pansut Jematan Samarahan semak enggau Kampung Tambay, lalu deka dipajakka nyentuk pelilih menua Asajaya.

"Pengawa ngelekatka lampu jalai tu beguna amat. Enti semua projek tu udah tembu ila, nya deka meri pengelantang enggau pengelikun ngagai penguna jalai alun kelebih agi ngagai sida ti berundang ngagai endur kereja maya malam hari," ku iya.

Iya madah munyi nya lebuh ke ngabas projek nya sebedau neruska pejalai nemuai seraya kereja begulai enggau begulai enggau raban Opis Ngempung sereta Mulaika Pemanah Tanah Perintah Besai(FELCRA) di Kota Samarahan, bedau lama udah.

Rubiah ke mega Kaban Parlimen Kota Samarahan ngarapka projek ngelekatka lampu nya bejalai enggau lanchar.

"Ngarapka projek tu lanchar sereta tembu nitihka maya ti udah ditetapka, ku iya.





BARU NAKA TU: Gambar mandangka projek ngelekatka lampu jalai ti udah tembu naka simpang pansut Jembatan Samarahan semak enggau Kampung Tambay, Kota Samarahan.